

**Najib Ziarah Tiga Veteran Umno Yang Uzur Di Pekan
Bernama
Oct 25, 2014**

PEKAN, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meluangkan masa menziarahi tiga veteran Umno yang uzur di sekitar kawasan Pekan.

Mereka ialah bekas Pengerusi Tetap Umno Bahagian Pekan Datuk Seri Ghazali Kasim, 83, bekas Pengerusi Tetap Wanita Umno Bahagian Pekan Datin Zamzam Abdul Samah, 81, dan bekas Anggota Jawatankuasa Penerangan Umno Bahagian Pekan Abdul Rahman Ahmad, 76.

Najib bersama rombongan tiba di Kampung Parit Tengah di sini kira-kira 9.40 pagi untuk menziarahi Ghazali dan Zamzam yang tinggal di kampung itu sebelum ke Peramu Jaya 3 untuk menziarahi Abdul Rahman.

Najib bersama Zamzam Abdul Samah (kiri)

Ghazali yang menghidap penyakit parkinson sejak 10 tahun lalu, jelas amat terharu dengan kesudian dan keprihatinan Perdana Menteri yang juga Ketua Umno Bahagian Pekan menziarahi beliau dan keluarganya.

"Saya sebak dan amat terharu kerana beliau yang merupakan pemimpin nombor satu negara tetapi masih sudi meluangkan waktu untuk menjenguk dan bertanya khabar tentang diri saya.

"Saya akui Datuk Seri Najib tidak memiliki sifat sombong dan mudah mesra dengan sesiapa walaupun telah menjadi pemimpin tertinggi negara," katanya yang turut mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Najib.

Najib bersama Abdul Rahman Ahmad

Ghazali yang memegang jawatan pengerusi tetap selama 14 tahun dan juga bekas guru dan pernah bertugas selama 25 tahun, kini sentiasa ditemani isterinya Datin Seri Razmah Zainuddin, 79.

Selepas berada di rumah Ghazali kira-kira 30 minit, Najib kemudiannya melawat Zamzam yang kini mengalami sakit tulang, pinggang dan lutut di rumahnya yang terletak kira-kira 20 meter dari rumah Ghazali.

Beliau yang menjadi Pengerusi Tetap Wanita Umno Bahagian Pekan selama 19 tahun dan

tidak lagi aktif dalam parti, turut melahirkan rasa gembira atas keprihatinan Najib yang tidak pernah melupakan veteran Umno sepertinya.

Najib selepas itu melawat Abdul Rahman yang merupakan kenalan beliau di kediamannya di Peramu Jaya 3.

Kehadiran Najib menggembirakan Abdul Rahman sekeluarga yang menyifatkan kunjungan itu sebagai sesuatu yang amat bermakna.

"Beliau merupakan seorang pemimpin yang mudah dan suka menolong orang dengan tanpa banyak soal dan saya tidak menyangka Datuk Seri Najib akan melawat saya di rumah. Terima kasih banyak," kata bekas Ketua Kampung Peramu Jaya itu.

Abdul Rahman yang mengalami sakit saraf berkata, semasa lawatan itu Najib banyak berbual tentang kisah lama mereka selain turut bertanyakan tentang kesihatan dan keluarga beliau.

Bapa sembilan orang anak itu juga pernah memegang jawatan Pengerusi Penerangan Seranta Kuala Pahang dan merupakan bekas Pengerusi Persatuan Bekas Tentera Bahagian Pekan.

Sementara itu, Najib turut berkesempatan menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan tunggal Pengerusi Biro Agama Umno Bahagian Pekan Datuk Mohamad Ariffin Daud di Taman Perumahan Datuk Shahbandar.

Perdana Menteri berada di majlis itu hampir sejam dan turut menepung tawar pasangan pengantin Norhana, 29, dan Mohd Faizal Abdul Talib, 29, diikuti majlis makan beradab.

Pasangan pengantin bekerja sebagai jurutera di sebuah syarikat automotif di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1079657>